

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM**  
**[ BERUAS ]**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Suruhanjaya Pengangkutan Awan Darat tidak memantau dan memastikan pengusaha pengangkutan bas awam di Daerah Manjung, Perak mematuhi perjalanan yang telah dipersetujui dengan Kerajaan terutamanya perjalanan Simpang Ampat - Kg. Koh Simpang Dua - Simpang Tiga - Simpang Lima.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari Januari 2011 hingga Januari 2015, sejumlah 18,651 Aktiviti Penguatkuasaan telah dilaksanakan di Wilayah Tengah. Kawasan tanggungjawab bagi Bahagian Penguatkuasa SPAD Wilayah Tengah adalah meliputi seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Utara Negeri Sembilan, sebahagian Negeri Pahang (sehingga Kuala Lipis) dan Selatan Perak. Daerah Manjung juga adalah dibawah tanggungjawab Wilayah Tengah.

2. Pemantauan perkhidmatan di Daerah Manjung telah dilaksanakan melalui pemantauan secara berkala mengikut jadual. Berdasarkan rekod, sebanyak 48 siri penguatkuasaan telah dilaksanakan di Negeri Perak termasuk sekitar Ipoh, Tanjung Malim, Lumut, dan Daerah Manjung.

3. Hasil dari operasi yang telah dijalankan, sejumlah 38 kes membabitkan perkhidmatan bas telah dikenalpasti di atas pelbagai kesalahan seperti berikut :

	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>JUMLAH KES</b>
1.	Mengambil / Menurunkan Penumpang Ditempat Yang Tidak Dibenarkan	25

2.	Gagal Kemukakan / Pamer Dokumen / Yang Dikehendaki Semasa Diperiksa (Salinan Lesen Pengendali / Permit Kenderaan / Jadual Perjalanan / Jadual Tambang)	9
3.	Meletakkan Kenderaan Ditempat Yang Tidak Dibenarkan	2
4.	Operasi Luar Kawasan	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>38</b>

4. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengusaha pengangkutan awam untuk mematuhi jadual perjalanan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Sekiranya mereka ingkar, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 22 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Pelanggaran Syarat Ke Atas Lesen Pengendali. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang RM1,000 tetapi tidak melebihi RM 500,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

5. Pihak pengguna digalak dan dialu-alukan untuk tampil dan melaporkan sebarang aduan berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam ke talian bebas tol 1-800-88-7723 untuk tindakan lanjut dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap Kerajaan Tempatan di negeri Perak dan adakah Menteri bersetuju dengan tindakan beberapa Kerajaan Tempatan di negeri Perak yang menaikkan bayaran tahunan iklan sehingga 66 kali baru-baru ini.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:-

1	MB Ipoh	7,374,497.40	3,116,686.98	5,000,000.00	4,131,766.00
2	MP Taiping	2,232,665.00	803,754.57	2,871,690.00	976,905.00
3	MD Kerian	2,670,000.00	247,830.23	2,412,665.00	295,285.00
4	MD Batu Gajah	2,051,981.50	114,857.31	1,739,753.00	475,618.00
5	MD Tapah	2,380,000.00	602930.61	1,701,796.00	462,909.00
6	MP Teluk Intan	4,761,700.00	354,238.63	2,446,201.00	655,315.00
7	MD Selama	2,352,400.00	15,440.64	807,849.00	62,097.00
8	MD Gerik	3,496,584.25	134,032.50	791,546.00	367,655.00
9	MD Lenggong	2,705,000.00	23,095.20	499,193.00	68,373.00
10	MD Pengkalan Hulu	2,550,000.00	626,297.40	534,806.00	74,915.00
11	MD Kampar	2,569,000.00	38,590.88	1,713,285.00	549,874.00
12	MD Tanjung Malim	4,906,900.00	213,309.90	866,325.00	533,787.00
13	MD Perak Tengah	2,200,000.00	232,816.29	1,141,525.00	300,852.00
14	MP Manjung	3,470,180.00	2,303,518.68	2,690,941.00	1,082,545.00
15	MP Kuala Kangsar	2,089,758.10	246,703.90	1,280,170.00	997,197.00

Kerajaan Tempatan mempunyai kuasa untuk mengenakan apa saja caj termasuk bayaran tahunan papan iklan di kawasan PBT masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 102 dan 102A, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 172] untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015